

08/11/2001

UiTM anjur majlis makan malam alumni

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) dan Yayasan Budimannya (YBUiTM) akan menganjurkan Majlis Makan Malam Alumni 2001 bertempat di Hotel Istana, 11 November ini.

Timbalan Pendaftar Perhubungan Awamnya, Fauzeah Hanem Al Johari, berkata majlis itu diadakan bagi membolehkan yayasan itu meneruskan usaha murni supaya lebih ramai pelajarinya mendapat bantuan kewangan hasil daripada dana yang berjaya dikumpulkan menerusi majlis itu.

Katanya, pada majlis sama tahun lalu yang diadakan serentak dengan pelancaran YBUiTM, sejumlah RM2.8 juta berjaya dikumpulkan, termasuk derma berupa wang tunai dan hartanah.

"Kami mengharapkan lebih banyak derma diterima bagi memastikan setiap projek yang dirancang berjaya dilaksanakan dengan peruntukan kewangan yang mencukupi," katanya.

Beliau berkata, sejumlah 1,000 tempat duduk disediakan dengan jualan meja antara RM1,000 dan yang paling mahal RM20,000 tiap satu.

"Bagi penderma yang menderma RM10,000 atau lebih akan diminta menyerahkannya kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan merasmikan majlis itu," katanya.

Serentak dengan itu, katanya pelbagai acara menarik turut diadakan termasuk persembahan nyanyian Ziana Zain yang akan mendendangkan lagu poplarnya.

Menurutnya, majlis itu diadakan sebagai menghargai sokongan padu anggota alumni UiTM dalam semua majlis atau kegiatan yang dianjurkan termasuk Hari Keluarga yang diadakan di Intekma Resort baru-baru ini.

Beliau berkata, ketika ini ada lebih 170,000 alumni UiTM yang didaftarkan dari seluruh negara sejak ia ditubuhkan bermula dengan Kolej Rida.

Yayasan berkenaan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 25 Ogos tahun lalu dengan misi untuk menerima dan mengurus dana bag tujuan pembelajaran, pendidikan, menaikkan taraf dan membantu golongan miskin serta badan amal.

Ia juga, katanya bagi memperkukuh dan memangkinkan jaringan alumni di seluruh negara.

"Ketika dilancarkan, YBUiTM berjaya mengumpulkan dana awal RM500,000 dan Lembaga Pemegang Amanahnya menetapkan supaya 20 dermasiswa diagih-agihkan setiap tahun," katanya.

Pelbagai kegiatan dijalankan sejak ditubuhkan termasuk Mencari Harta Karun dan Malam Simfoni Kasih yang turut dihadiri Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Permaisuri Tuanku Siti Aishah.

Mengenai dermasiswa itu, katanya ia bertujuan untuk dianugerahkan kepada pelajar yang tidak berkemampuan dan mendapat prestasi akademik yang cemerlang.

Tempahan alumni, katanya masih dibuka kepada semua anggota dan mereka boleh membuat tempahan dengan mengisi borang yang disediakan.

(END)